



KANDUNGAN

- 02 JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
- 03 TINTA EDITOR
- 05 KETUA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
- 06 PENGURUSAN TERTINGGI
- 07 CARTA ORGANISASI JKA



08 KERJA-KERJA PEMBINAAN TUGU



10 MAULIS PENYERAHAN TUGU PSAS



12 TASK FORCE COVID JKA PSAS



16 PERTANDINGAN BAHAN DIGITAL PSAS

- 14 IAMHRD VIRTUAL FACULTY EXCHANGE PROGRAMME
- 17 E-HARI PERTANDINGAN INOVASI & PEMBENTANGAN PROJEK
- 19 PROGRAM CSR COT STEM JMSK_SMART GREEN GAZEBO

WEBINAR

- 21 BUILDING INFORMATION MODELLING
- 22 PROSPEK KERJAYA UKUR BAHAN
- 23 LAW OF CONTRACT
- 24 PENDEDAHAN TEKNOLOGI TERKINI BIDANG & SKOP PENGUKURAN UKUR KEJURUTERAAN
- 25 PENGURUSAN PROJEK
- 26 BUILDING SERVICES
- 27 CONSTRUCTION & QUALITY MEASUREMENT PRINCIPLE
- 28 SISTEM SALIRAN DALAM & LUAR BANGUNAN DI MALAYSIA
- 29 MANAGING TENDER DOCUMENTS FOR PRIVATE & PUBLIC SECTOR

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI

- 30 PENGGUNAAN OPEN BROADCAST STUDIO DALAM PEMBELAJARAN
- 31 PENGUKURAN SEMULA SEMPADAN TERTENTU PSAS
- 32 MESYUARAT BERSAMA PENASIHAT INDUSTRI DAN ALUMNI
- 33 MINGGU MTS SESI 1: 2021 2022
- 34 INFO UKHK
- 39 KEJAYAAN WARGA JKA

Salam sejahtera...

Saya mewakili pihak redaksi ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin JKA ini. Edisi ini merupakan edisi pertama untuk tahun 2022 dan kami merakamkan jutaan terima kasih pada semua yang menyumbangkan bahan-bahan untuk kami muatkan ke dalam e-buletin JKA 2022. Segala jasa baik kalian tidak mampu kami membalasnya. Kami akan cuba untuk terus mengeluarkan e-buletin ini seperti yang dirancang walaupun pandemik masih belum reda buat masa ini. Sekian, salam poliku sayang daripada kami di pihak redaksi. Stay safe!

Marshitah Muhamad
Ketua Editor

Dari Meja Editor

TEAM REDAKSI

Penasihat: Abdul Muthalib Bin Abd Rahman

Ketua Editor: Marshitah Binti Muhamad

AJK: Haslinda Binti Abd Aziz, Shahrizal Bin Shamsudin, Muhammad Sukri bin Abdul Hamid

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)



Tahun ini juga genaplah 19 tahun dengan rasminya JKA PSAS menetap di kampus Behrang, Perak selepas berpindah dari Sekolah Menengah Teknik Slim River pada tahun 2003. JKA PSAS berperanan memberi pendedahan ilmu kejuruteraan awam kepada pelajar bagi melahirkan graduan separa professional yang berketrampilan dan berdaya saing. Pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bentuk teori dan praktikal bagi mendedahkan pelajar pada alam pekerjaan yang sebenar.

JKA diterajui oleh kepimpinan Encik Abdul Muthalib Bin Abd Rahman selaku Ketua Jabatan JKA dan dibantu oleh Ketua Program DKA: Dr. Zummy Dahria Binti Mohamed Basri, Ketua Program DPB: Puan Noraimi Binti Ahmad serta Ketua Program DUB: Puan Azirah Binti Adnan. JKA juga mempunyai seramai 61 staf akademik, seorang juruteknik dan seorang pembantu operasi yang ditugaskan untuk memastikan kelancaran operasi di JKA PSAS.

JKA juga menawarkan 3 program pengajian peringkat diploma iaitu Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) dan Diploma Ukur Bahan (DUB). Semua program pengajian ini telah diiktiraf dari Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register (MQR)). Justeru, program tersebut dapat dijalankan berdasarkan kepada peraturan, keperluan dan standard sedia ada yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

JKA PSAS juga telah memainkan peranan yang sangat besar dalam pembangunan jabatan ini. Selain menyediakan peluang pendidikan yang berkualiti, JKA PSAS juga komited dengan mewujudkan kerjasama yang strategik dengan institusi pendidikan dan industri luar melalui jaringan dan kolaborasi secara berkesan dan efektif. Selain itu, JKA PSAS juga aktif dengan mengendalikan pelbagai program dalaman bagi memastikan para pelajar dapat didedahkan dengan budaya hidup yang lebih baik.

Tenta Editor

Oleh : Muhammad Sukri Bin Abdul Hamid

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kita semua telah memasuki tahun 2022 iaitu tahun yang menuntut warga Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Azlan Shah (JKA PSAS) untuk lebih serius dalam meningkatkan produktiviti kerja sekali gus dapat membantu meningkatkan kecemerlangan jabatan. Walaupun negara kita masih belum bebas sepenuhnya dari penularan wabak Covid-19, kehidupan dan semangat masing-masing perlulah ditingkatkan supaya lebih konsisten agar mutu kerja lebih berkualiti.

Untuk makluman semua, edisi khas Buletin JKA PSAS yang diterbitkan buat julung kalinya adalah untuk bacaan dan tatapan warga kampus dan masyarakat umumnya. Di sini pihak Redaksi ingin kongsi sedikit coretan peristiwa dan sejarah perjalanan yang berlaku di JKA PSAS sepanjang bulan Jun hingga November 2021. Semoga naskah ini dapat memberi manfaat dan menjadi salah satu simpanan dalam merekodkan sejarah untuk ingatan seluruh



Terlebih dahulu, pihak Redaksi Buletin JKA PSAS ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana terus menyokong usaha penerbitan buletin ini melalui pemberian bahan-bahan maklumat untuk dikongsi bagi tatapan umum. Pihak kami sangat mengalu-alukan perkongsian maklumat dan sejarah peristiwa yang telah berlaku untuk ingatan semua. Semoga kehidupan kita lebih diberkati dan bermanfaat pada tahun ini dan tahun-tahun yang mendatang.

Akhir kata, Pihak Redaksi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2022 dan selamat maju jaya kepada seluruh warga JKA PSAS. Semoga kita semua dapat bekerjasama dalam memastikan kecemerlangan JKA PSAS ini di peringkat yang lebih tinggi sekali gus dapat mengharumkan nama di persada dunia. Galilah ilmu sebanyak mungkin, timbalah pengalaman secukupnya dan biasakan diri untuk terus maju ke hadapan dengan langkah yang penuh yakin.

Sekian, Wassalam.





Pelbagai kemudahan fasiliti yang terdapat di JKA PSAS seperti Bilik Kuliah, Bengkel Ukur, Bengkel Perkhidmatan Bangunan & Studio Ukur Bahan, Makmal Hidraulik, Makmal Alam Sekitar, Makmal Tanah, Makmal Jalan Raya, Bengkel Kayu, Makmal Struktur, Bengkel Paip & Bengkel Bata, Dewan Kuliah. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di JKA PSAS ini dapat memberi keselesaan kepada semua pihak khususnya pelajar yang menyambung pelajaran di sini.



KETUA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



Encik Abdul Muthalib Bin Abd Rahman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Keluarga Malaysia

Kami warga JKA bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah diberi ilham dan peluang oleh-Nya untuk menerbitkan eBuletin JKA. Matlamat utama penerbitan eBuletin ini adalah untuk menjadi medium alternatif kepada semua warga JKA, pelajar-pelajar JKA serta semua warga PSAS untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan aktiviti dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Buletin JKA atas penerbitan eBuletin JKA tahun 2021 ini. Saya percaya penerbitan eBuletin ini adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi semua warga JKA terhadap kejayaan JKA sepanjang tahun 2021.

Cabaran penyampaian pengajaran dan pembelajaran berdepan impak Covid-19 banyak memberikan kesan langsung bagi memastikan proses pembelajaran yang lebih efektif. Cabaran pandemik turut mencabar warga JKA perlu sentiasa bersedia dan melengkapkan diri dengan kemahiran yang relevan dengan tuntutan semasa dan masa akan datang. Antaranya kemahiran teknikal, ICT dan kemahiran-kemahiran sosial seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran bekerja dalam pasukan untuk menghasilkan kerja yang lebih responsive, lebih berhemah dan lebih positif. Sudah pasti pelbagai cabaran akan ditempuh dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi harapan pemegang taruh (stake holder) khususnya pihak industri dalam memenuhi saingan pasaran pekerjaan.

Sehubungan itu, saya berharap agar warga JKA akan terus mengambil langkah aktif dan proaktif untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman-pengalaman pembelajaran yang berkesan dan dapat memupuk mereka menjadi warganegara yang patriotik, berfikiran progresif, maju dan prihatin.

Akhir kalam, semoga kandungan eBuletin JKA ini dapat memberikan ruang terbaik kepada semua pihak untuk membawa JKA ke arah yang lebih baik dan cemerlang. Kepada semua sahabat sidang penyunting dan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, syabas dan tahniah saya ucapkan kerana bersemangat untuk menjayakan penerbitan eBuletin ini. Semoga bermanfaat untuk semua.

PENGURUSAN TERTINGGI

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



**Ketua Jabatan
Kejuruteraan Awam**

ABDUL MUTHALIB BIN
ABD RAHMAN



**Ketua Program
Diploma Kejuruteraan
Awam**

DR. ZUMMY DAHRIA BINTI
MOHAMMED BASRI



**Ketua Program
Kejuruteraan
Perkhidmatan Bangunan**

NORAIMI BINTI AHMAD




**Ketua Program
Ukur Bahan**

AZIRAH BINTI ADNAN

CARTA ORGANISASI JKA



CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN AWAM POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH




Pembinaan Tugu Tugu Gemilang @ PSAS

OLEH : MARSHITAH BINTI MUHAMAD



Pembinaan Tugu Gemilang @ PSAS telah dijalankan pada 15-17 Disember 2020 (FASA 1) dan 12-14 Januari 2021 (FASA 2). Pembinaan projek ini telah disertai seramai 58 orang yang terdiri daripada kalangan pensyarah dan pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Projek ini merupakan satu platform bagi melahirkan mahasiswa/mahasiswi yang prihatin dan melatih mereka bersikap tolong menolong apabila berada di kalangan masyarakat. Disamping itu juga, ia adalah bertujuan untuk mendekatkan jurang mahasiswa/mahasiswi dengan pensyarah secara tidak langsung dapat mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi semasa proses pembelajaran dan pengajaran.







MAJLIS PENYERAHAN TUGU GEMILANG @ PSAS

Oleh : Marshitah Binti Muhamad

Majlis Penyerahan Tugu Gemilang @ PSAS telah dirasmikan oleh Encik Muhammad Zubir Bin Mohd Hanifah, Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah pada 25 Januari 2022. Majlis ini telah dilaksanakan dihadapan Tugu Gemilang @ PSAS. Penyerahan ini merupakan satu simbolik hasil kerja tangan dari para pensyarah JKA dan pelajar kepada Politeknik Sultan Azlan Shah. Pembinaan tugu ini telah disertai oleh 58 orang peserta. Projek ini telah memberikan pendedahan bagaimana satu pengurusan yang melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi dalam kerja operasi. Ia merangkumi kerja-kerja merancang, mengurus, mengawal dan memantau semua sumber-sumber yang digunakan dalam sesuatu pembinaan. Melalui projek ini, banyak perkara yang dapat dipelajari dan ia juga mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran pensyarah dan pelajar.



Task Force

COVID JKA


OLEH : NORLEEZA BINTI MUHAMAD

Rentetan dari penularan kes COVID19 di kalangan pelajar-pelajar JKA Sesi 1 2021/2022 Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), maka aktiviti ini telah dilancarkan dengan menubuhkan kumpulan Task Force JKA yang diketuai oleh Encik Mohd Nazri Bin Hj. Daros dengan matlamat utama bagi menyelaraskan data-data terkini kes dan gerakerja untuk penyaluran dan pengagihan bantuan makanan, ubat-ubatan dan keperluan pelajar-pelajar kuarantin yang terlibat dengan kes positif COVID19 termasuklah kontak rapat. Kes yang dikendalikan selama 14 hari ini, melibatkan seramai 22 orang pelajar dari program DKA, DPB dan DUB telah berjaya mengekang kes COVID19 dari terus menular. Usaha murni ini telah turut melibatkan bantuan kewangan hasil sumbangan dan kutipan dari warga JKA, pihak Rakan Prihatin Muallim (RPM), pihak ZAKAT PSAS dan KOPSAS. Kerjasama dan keprihatinan dari semua pihak samada dari pihak pengurusan PSAS, Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP), Klinik PSAS dan warga JKA khususnya telah berjaya mengatasi penularan wabak COVID19 di politeknik.





TASK FORCE COVID JKA



PSAS – IAMHRD VIRTUAL FACULTY EXCHANGE PROGRAMME 2021

OLEH : SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR

Unit Pengantarabangsaan PSAS dengan kerjasama International Association of Human
Resource Development (IAMHRD)

PERTUKARAN PENSYARAH DARI PSAS (JKA) - UNSULTRA :

PN. SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR (DKA)

Ts. NORAZMI BIN FADILAH (DUB)

PERTUKARAN PENSYARAH DARI UNSULTRA - PSAS :







DR. IRWAN LAKAWA

DR. ANDI MAKKAWARU JASSIN

EN. SUFRIANTO

EN. SULAIMAN

PSAS – IAMHRD VIRTUAL FACULTY EXCHANGE PROGRAMME adalah merupakan program pertukaran pensyarah di antara Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Universitas Sulawesi Tenggara, Indonesia (UNSULTRA), Sulawesi Tenggara, Indonesia. Program pertukaran pensyarah ini akan berlangsung bermula dari bulan November sehingga Disember 2021. Program melibatkan pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam dari PSAS untuk outbound dan Fakulti Kejuruteraan dari UNSULTRA untuk inbound. Mobiliti pensyarah PSAS ke luar negara akan melibatkan penyertaan seramai 2 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS dan 4 orang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan, UNSULTRA.



PROGRAM DILAKSANAKAN SECARA VIRTUAL APLIKASI ZOOM. PROGRAM INI DIANJURKAN BAGI MENCAPAI OBJEKTIF BERIKUT:

- Untuk memanfaatkan pertukaran teknologi dan pengetahuan di peringkat antarabangsa.
- Untuk membina jalinan kerjasama sesama pelajar daripada kedua-dua buah negara melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- Untuk mempromosi pendidikan TVET Politeknik Malaysia ke peringkat antarabangsa.
- Untuk memaksimum kolaborasi bistari di peringkat antarabangsa.

PERTANDINGAN BAHAN DIGITAL PSAS 2021

OLEH : MARSHITAH BINTI MUHAMAD



Pertandingan Bahan Digital PSAS 2021 telah disertai oleh pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS. Sebanyak 13 e-book dan 3 video PdP telah dihantar mewakili program yang ada di Jabatan Kejuruteraan Awam dalam pertandingan tersebut. JKA telah merangkul tempat pertama Kategori E-book dan ketiga Kategori Video PdP. Tahniah diucapkan kepada Puan Nafisah Harun dan Puan Che Norhayati Binti Mohd. Salleh.



E-HARI PERTANDINGAN INOVASI DAN PEMBENTANGAN PROJEK (E-HAPIPP) SESI 1:2021/2022

OLEH : SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR

e-HARI PERTANDINGAN INOVASI DAN PEMBENTANGAN PROJEK (E-HAPIPP) SESI 1:2021/2022 dianjurkan bagi menyediakan platform kepada pelajar untuk membentangkan Projek Akhir pelajar bagi program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Diploma Ukur Bahan dan Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Azlan Shah.

Kursus Projek adalah kursus yang wajib diambil oleh setiap pelajar semester akhir program diploma di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Malaysia. Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut:

- Menggunakan pengetahuan teknikal dan sains sosial serta pengetahuan kemanusiaan bagi pengembangan personaliti
- Menunjukkan kemahiran praktikal dan teknikal dalam melaksanakan tugas
- Mengamalkan kemahiran sosial dan interpersonal termasuk kerja berpasukan
- Mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada pembelajaran sepanjang hayat
- Memberikan pengalaman baru terhadap pelajar-pelajar dalam berkomunikasi dan berdaya saing



PANEL PENILAI LUAR / INDUSTRI :

DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM




En. Mohd Fariz Bin Ismail	Setia Utama LRT3 Sdn Bhd (Formerly Known A MRCB George Kent Sdn Bhd)
Ts. Meor Mohd Firdaus Bin Meor Mohd Najib	Pejabat Operasi Wilayah Tengah, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Pn. Noor Azreen Binti Abu Azri	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
Ts. Dr. Siva a/l Rabindarang	Kolej Vokasional Slim River
Ir. Abdul Karim Ibrahim	PJSI Consultants Sdn Bhd
Ts Ir Md Yushairi Kamarul Effendy Bin Mohd Yusof	Samsung C&T Corporation UEM Construction J Sdn Bhd

DIPLOMA PERKHIDMATAN AWAM

Ir. Ts. Dr. Hafizi bin Zakaria	Permodalan Nasional Berhad
Ir. Ts. Fait bin Hanapi	Jabatan Pengurusan dan Pembangunan dan Harta Benda, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Ts. Dr. Zulkifli bin Mohamed	MH Delima Sdn. Bhd
Dr. Mohd Hanif bin Mohd Ramli	MH Delima Sdn. Bhd

DIPLOMA UKUR BAHAN

Halimaton Sa'adiyah binti Sa'don	Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pendidikan Tinggi
Aziyati binti Ibrahim	Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sr. Dr. Shahela binti Mamter	Program Ukur Bahan, Jabatan Alam Bina dan Teknologi (JABT), UiTM Perak Kampus Seri Iskandar, Perak
Sr. Mohd Ehsan bin Mamat	
Sr. Norazlin binti Mat Salleh	



PROGRAM CSR COT STEM JMSK_SMART GREEN GAZEBO

OLEH : SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR

PROGRAM CSR COT STEM JMSK_SMART GREEN GAZEBO adalah merupakan program CSR yang melibatkan pelajar semester 3 Diploma Kejuruteraan Awam yang telah dianjurkan oleh COT STEM, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sultan Azlan Shah. Program ini telah berlangsung selama 7 hari bermula dari 23 Oktober sehingga 30 Oktober 2021.

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Meningkatkan kemahiran pelajar di dalam membina sebuah gazebo yang berasaskan system Industrialised Building System (IBS).
- ii. Memupuk jalinan kerjasama yang baik dan berterusan di antara Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer.





PEMBINAAN GAZEBO

WEBINAR ON BUILDING INFORMATION MODELLING



OLEH : AZIRAH BINTI ADNAN

En. Mohd Fakhran Asyraq Mohamad Saeffee,

En. Muhamad Iyas bin Mahzan

MyBIM Malaysia

Webinar On Building Information Modelling atau dikenali BIM ini telah disertai oleh pelajar dari program DUB, DKA dan DPB serta pensyarah-pensyarah yang berminat dari ketiga-tiga program. Webinar ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta terutama pelajar JKA agar dapat menambah ilmu pengetahuan yang baharu tentang teknologi BIM yang digunakan di industri pembinaan pada masa kini. Di samping itu juga, peserta juga dapat melihat secara terperinci tentang proses untuk merekabentuk sesebuah bangunan menggunakan teknologi BIM iaitu dari dimensi 3D hingga ke dimensi 7D yang telah ditunjukkan menggunakan perisian Revit.







WEBINAR - PROSPEK KERJAYA JURUUKUR BAHAN

Ts. Sr Eric Khoo
CQS, MRISM, MRICS, MMGB, ICEA, AMIVMM

- RISM QS Divisional Secretary Session 2020/2021.
- RISM QS Divisional YQS and Education Subcommittee - Chair
- Board Member of BQSM Session 2021-2023.




Ts. Sr Dr. Nadzirah Hj. Zainordin
PQS, MRISM, MRICS, P.Tech, MBOT

- RISM QS Divisional Education Subcommittee Session 2020/2021
- RISM QS Divisional YQS and Education Subcommittee Session 2020/2021
- Committee Member (Publication & IT) of BQSM Session 2021-2023.



POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
2 APRIL 2021 :: JUMAAT :: 9 PAGI
VIA MICROSOFT TEAM



WEBINAR INI MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA PARA PELAJAR KERANA DAPAT MENGETAHUI PROSEDUR YANG BETUL DI DALAM MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENJADI SEORANG JURUUKUR BAHAN YANG BERDAFTAR DENGAN RISM.

WEBINAR PROSPEK KERJAYA SEORANG UKUR BAHAN

OLEH : AZIRAH BINTI ADNAN

*Sr Eric Khoo Sui Lai
Ts. Sr Dr. Nadzirah bt. Hj. Zainordin
Royal Institution Of Surveyors Malaysia (RISM)*

Webinar Prospek Kerjaya Seorang Ukur Bahan ini disertai oleh pelajar semester 1 dari program Diploma Ukur Bahan. Webinar ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar baharu tentang bidang ukur bahan, skop tugas serta prospek kerjaya dalam bidang ukur bahan. Dua (2) orang wakil Royal Institution of Surveyors Malaysia iaitu Ts Sr. Eric Khoo PQS, MRISM, MRICS dan Ts. Sr Dr. Nadzirah Hj. Zainordin PQS, MRISM, MRICS, P.Tech, ICIOB telah dijemput untuk menyampaikan ceramah. Di samping itu juga, peserta juga diberikan pendedahan mengenai kaedah dan laluan untuk pelajar mendaftar sebagai Juruukur Bahan Professional dari Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM) dan Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM).

WEBINAR LAW OF CONTRACT

OLEH : CHE NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH

Sr Norazilan Bin Mazahar
Penolong Juruukur Bahan, Jabatan
Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Webinar Law Of Contract yang telah disertai oleh pelajar DUB 2 seramai 21 orang. Webinar Law Of Contract ini juga dapat memberikan pendedahan tentang undang-undang kontrak yang sememangnya dikaitkan dengan projek-projek di tapak pembinaan. Melalui webinar ini pelajar juga dapat mempelajari mengenai kepentingan perundangan di dalam pelaksanaan kontrak pembinaan serta implikasi undang-undang yang berkaitan sekiranya berlaku pelanggaran terhadap peruntukan peruntukan di dalam kontrak.





PENDEDAHAN TEKNOLOGI TERKINI BIDANG PENGUKURAN DAN SKOP PENGUKURAN UKUR KEJURUTERAAN

OLEH : NAFISAH BINTI HARUN

PENCERAMAH : SR RABIULKHAIR BIN MOHD NOR & SITI ARIFAH BINTI ABDUL KADER
INSTUN

Suatu sesi perkongsian ilmu dalam bidang Ukur dan Pemetaan telah dijayakan pada 16 Mac 2021 melalui medium dalam talian secara lintas langsung/ LIVE iaitu penggunaan aplikasi MS Team. Seramai 53 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Awam dan pelajar Diploma Ukur Bahan bagi Kursus Asas Ukur Tanah telah menyertai sesi perkongsian ini. Beberapa orang Pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS turut sama menyertai program ini. Bagi program ini, dua (2) orang Pegawai BUP INSTUN/ tenaga pengajar dalaman INSTUN iaitu Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor (Ketua Program Ukur Geodetik) dan Sr Siti Arifah binti Abdul



Kader (Penolong Ketua Program Ukur Geodetik) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan Ukur dan Pemetaan. Program akademik ini diadakan untuk tujuan memperkasakan pengetahuan pelajar dalam bidang kejuruteraan dengan pendedahan terus daripada pihak industri. Melalui program bersama industri ini pelajar akan dapat menghubungkan ilmu kejuruteraan dalam dunia sebenar serta pendedahan terhadap teknologi terkini yang digunakan dalam kerja lapangan.


SEMINAR PENGURUSAN PROJEK

OLEH : HASLINDA BINTI ABD AZIZ

R. TS. FAIT BIN HANAPI
Pengarah Urusan , Jabatan Pengurusan
Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

Webinar Pengurusan projek yang telah disertai oleh pelajar DKA4, DPB 3A dan DPB 3B seramai 59 orang. Webinar pengurusan projek ini bertujuan memberi pendedahan bagaimana satu pengurusan yang melibatkan urusan pembangunan, perubahan dan inovasi dalam kerja operasi. Ia merangkumi skop aktiviti seperti merancang dan pengawalan sesuatu projek dengan bergantung kepada kekangan belanjawan supaya projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Melalui webinar ini pelajar dapat mempelajari dan mempertingkatkan pengetahuan dalam menggunakan software projek management.





WEBINAR BUILDING SERVICES

OLEH : AZIRAH BINTI ADNAN

Sr Fadilah Bte Mohamad Camaludin
BEQS Consultant Sdn Bhd

Program Webinar Building Services Bagi Pelajar DCQ20052, Program Diploma Ukur Bahan Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS telah disertai oleh pelajar DUB 1 dan DUB 2 iaitu seramai 90 orang. Bagi program ini, seorang wakili industri iaitu Sr Fadilah Bte Mohamad Camaludin (Pengarah Urusan, BEQS Consultant Sdn Bhd) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan Building Services. Melalui program ini juga, pelajar berkenaan didedahkan tentang konsep dan prinsip asas dalam Perkhidmatan bangunan. Antaranya adalah sistem pembekalan air sejuk dan pengaliran air keluar ke sistem perparitan.

MUHAMAD...

SHARMETR...

PUTRI DAM...

+87

Anjuran :

Kerjasama:

LIVE

WEBINAR

PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI

PROSPEK KERJAYA SEORANG JURUKUR BAHAN
DAN PENGLIBATAN DI DALAM BUILDING SERVICES

**SR FADILAH BINTI MOHAMAD
CAMALUDIN**

WEBINAR ON CONSTRUCTION AND QUANTITY MEASUREMENT PRINCIPLES

**SR DR. SYED ABDUL HARIS BIN
SYED MUSTAPA
ASSOCIATE DIRECTOR.**

OLEH : NOR QIAM FARHANA BINTI ADNAN

Building Construction merupakan kursus yang menerangkan konsep dan prinsip asas dalam proses pembinaan dan teknologi pembinaan. Selaras dengan Quantity Measurement Principles, kursus ini berkait rapat dalam pengukuran kuantiti bangunan khususnya dalam kerja bangunan bermula daripada sub struktur (DCQ10043) hingga ke super struktur (DCQ20104). Asas pengukuran kuantiti yang berpandukan Standard Method of Measurement 2 (SMM2) merupakan panduan utama dalam kerja pengukuran bangunan. Dengan pelaksanaan program ini, peserta dapat menambah ilmu pengetahuan yang baharu tentang SMM2 dan MYSMM. Selain itu, pelajar berpeluang dan mendapat pendedahan yang sangat baik tentang prinsipal pengukuran kuantiti bangunan bagi substructure dan superstructure.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN AZLAN SHAH

PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI :




WEBINAR ON BUILDINGS CONSTRUCTION AND QUANTITY MEASUREMENT PRINCIPLES

29 September 2021

Penceramah:
Sr Dr Syed Abdul Haris Syed Mustapa
Associate Director
AS2 Consult Sdn. Bhd.

Anjuran:
Jab. Kej. Awam, PSAS

PENGURUS PROGRAM:
AZIRAH ADNAN
NUR QIAM FARHANA ADNAN




SEMINAR SISTEM SALIRAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN DI MALAYSIA.

OLEH : AZMI BIN MOHAMAD

By Ts SATWAN SINGH A/L SARAWAN SINGH
Jurutera Awam J41 Jabatan Kerja Raya
Wilayah Utara Miri, Sarawak

Webinar Pengurusan projek yang telah disertai oleh pelajar DKA 3A,3B,3C,3D, DPB2A & DPB2B seramai 87 orang telah mengikuti program ini. Webinar pengurusan projek ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem saliran perpaipan yang terdapat di Malaysia, khususnya di negeri Sarawak. Kawasan Sarawak merupakan satu negeri yang terbesar di Malyasia dengan permasalahan bentuk muka bumi yang berjauhan antara satu sama lain, maka dengan itu kemudahan sumber air bersih adalah amat terhad dan tidak banyak diperolehi .Dalam memyelesaikan permasalahan ini ,terdapat beberapa aktiviti dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah bekalan sumber air ini. Antara kaedah yang diguna pakai adalah seperti water treatment Plant dan Raw water intake iaitu dengan menggunakan mini empangan, dengan pendedahan kaedah ini banyak perkara yang telah didedahkan kepada pelajar daripada pembinaan mini empangan sehinggalah kepada agihan air tersebut. Hasil perkongsian yang telah maka dengan kerjasama dari pihak JKR Sarawak, pelajar dapat didedahkan dengan keadaan sebenar sistem perpaipan saliran yang telah dijalankan disana dan juga Aplikasi system saliran yang sebenar.





High Level Water Tank

MANAGING TENDER DOCUMENTS FOR PRIVATE AND PUBLIC SECTOR PROJECTS

OLEH : AYUNI BINTI MD.YUSOF

Webinar ini dijayakan bagi pelajar semester 5, sesi 1:2021/2022 yang mengambil modul DCQ5023. Memfokuskan kepada: penyediaan tender dokumen untuk industri pembinaan di Malaysia, serta keperluan yang ada penyediaan tender dokumen. Selain itu, webinar ini juga untuk mendapatkan perbandingan bagi projek yang dikendalikan oleh pihak swasta dan pihak kerajaan dalam penyediaan tender dokumen dari aspek keperluan dokumen yang diperlukan.

Peserta melibatkan 4 buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Kota Bharu (PKB), Politeknik Kota Kinabalu (PKK) dan Politeknik Muadzam Shah Jitra (POLIMAS). Selain itu penyertaan adalah dari pelajar UITM Sri Iskandar, UCSI dan pihak dari organisasi luar.





PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI-PENGGUNAAN OPEN BROADCAST STUDIO DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

OLEH : NAFISAH BINTI HARUN

ENCIK SULAIMI BIN AHMAD
ENCIK MOHD FAIZAL BIN ABU KASLAN
PEGAWAI INSTUN



Penggunaan teknologi dalam pendidikan mendorong kepada anjakan paradigma pendidik dan pelajar dalam membudayakan proses P&P pada abad ke 21. Program ini boleh meningkatkan pengetahuan dalam teknologi bagi memperkasakan pendidikan sesuai dengan alternatif P&P pasca pandemik. Program ini merupakan satu aktiviti khidmat komuniti dari industri tentang penggunaan teknologi bagi tujuan melancarkan proses Pengajaran dan Pembelajaran.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI PENGUKURAN SEMULA SEMPADAN TERTENTU PSAS

OLEH : NAFISAH BINTI HARUN

PENGUKURAN SEMULA

Program Khidmat Komuniti Pengukuran Semula Sempadan Tertentu PSAS telah disertai oleh pelajar DKA 2 seramai 6 orang. Program Khidmat Komuniti Pengukuran Semula Sempadan Tertentu PSAS ini dilaksanakan bagi memperkasakan pengetahuan pelajar dalam bidang pengukuran sempadan menggunakan teknologi baharu untuk diadaptasi dalam bidang kejuruteraan dengan pendedahan secara terus daripada pihak industri. Melalui program bersama industri ini pelajar dapat menghubungkan ilmu ukur kejuruteraan dalam dunia sebenar serta pendedahan terhadap teknologi terkini yang digunakan dalam kerja lapangan.






Kerja pengukuran yang terlibat bermula dari pencarian batu sempadan yang dirujuk dari pelan akui dan membuat pengukuran semula sempadan selatan PSAS rentetan dari kerja pembinaan bersebelahan sempadan PSAS bagi memastikan sempadan PSAS terpelihara dan tidak dicerobohi.



Impak yang positif dan berguna diperolehi oleh pelajar untuk pengetahuan di lapangan berkenaan pengukuran sempadan. Aktiviti seperti ini merupakan satu pengalaman yang sangat berharga dengan harapan memberi pengalaman yang bermakna buat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam.








MESYUARAT BERSAMA PENASIHAT INDUSTRI DAN ALUMNI 2021.

Mesyuarat bersama penasihat industri dan alumni diadakan bagi membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kurikulum, cabaran yang dihadapi oleh industri dan politeknik semasa pandemik Covid 19, semakan terkini struktur Latihan Industri, semakan dapatan audit akreditasi dan lain-lain perbincangan dua hala mengikut program masing-masing.

MINGGU MTS SESI 1:2021 2022

OLEH : NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN

Minggu Transformasi Siswa merupakan minggu Pendaftaran Pelajar semester 1 bagi setiap semester. Pendaftaran bagi sesi 1:2021/2022 dilaksanakan secara dalam talian yang melibatkan Pelajar DKA, DUB dan DPB. Pelajar perlu membuat Pendaftaran Pengajian menggunakan link yang diberikan oleh unit HEP dan seterusnya pengendalian Pendaftaran Pengajian dilaksanakan di peringkat jabatan. MTS juga memberikan pendedahan kepada Pelajar berkaitan pengurusan, operasi dan hal yang berkaitan Pelajar sepanjang mereka berada di kampus. Pelajar di bahagikan kepada penasihat akademik bagi mengendalikan Pendaftaran kursus dan SPaK yang akan digunakan sepanjang bergelar Pelajar di PSAS. Ucapan aluan juga diberikan oleh Ketua Jabatan kepada para Pelajar sebagai ucapan selamat datang dan permulaan Pengajian di dalam sesi ini.



INFO UKKHK

Oleh : Nur Qiam Farhana Binti Adnan

SETTINGGI PENGHARGAAN & TERIMA KASIH



Ts. Sr MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN
atas segala sumbangan dan khidmat bakti sebagai
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, JKA
11 April 2015 - 14 September 2021

UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



Terima Kasih!

JASAMU DIKENANG

*Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung,
Hendak membeli tikarlah rotan,
Budi dikenang bakti disanjung,
kekal subur dalam ingatan.*

Ts. Sr Mohammad Anuar bin Safian
Mantan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

Sesi Penyerahan Cenderamata

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada
Ts. Sr Mohammad Anuar bin Safian atas jasa yang tidak ternilai dan
khidmat bakti yang telah disumbangkan dengan penuh komitmen dan
tanggungjawab sepanjang berkhidmat selaku
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam sejak
11 April 2015 sehingga 14 September 2021.

Semoga terus menyumbang jasa demi pembangunan anak bangsa.

TAHNIAH
&
SELAMAT
MENJALANKAN
TUGAS

*Berkuatkuasa pada
15 September 2021*



EN ABDUL MUTHALIB BIN ABD RAHMAN
KETUA JABATAN
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

**Tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada
En. Abdul Muthalib bin Abd Rahman atas perlantikan
sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam
yang baharu berkuatkuasa
15 September 2021.**

**Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali,
Selamat datang kami ucapkan,
Moga diiringi restu illahi.**



DR. ZUMMY DAHRIA BT MOHAMED BASRI



NOOR MOHD KAMAL B MAT



Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Sultan Azlan Shah



SAMLISMAN A/L CHOI WENG



LYNAFIS BINTI MOHD SHARI

APC 2020



**TAHNAH KEPADA PENERIMA
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2020**

Bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan Bil 3/2021 dan Majlis Perasmian Penutup Bulan Akademia pada 22 Oktober 2021, telah disampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2020. Tahniah dan teruskan kecemerlangan buat penerima.

- **Dr. Zummy Dahria bt Mohamed Basri**
- **Noor Mohd Kamal bin Mat**
- **Samlisman a/l Choi Weng**
- **Lynafis bt Mohd Shari**



**Sesi penyerahan sijil
perakuan kursus DKA dan
DPB kepada Ketua Program
DKA, Dr. Zummy Dahria bt
Mohamed Basri dan Ketua
Program DPB, Pn Noraini bt
Ahmad.**

**Sijil in merupakan
pengiktirafan rasmi dari
Lembaga Jurutera
Malaysia terhadap
kelayakan akademik.**



SELAMAT DATANG & SELAMAT BERTUGAS

TS. KHAIRIL AZHAR
BIN MOHD NOR



UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Selamat datang dan selamat berkhidmat kepada Ts. Khairil Azhar bin Mohd Nor ke JKA PSAS. Pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Kolej Komuniti Gerik, Perak (16 Januari 2020-14 September 2021) dan sebagai Timbalan Pengarah Cawangan di Kolej Komuniti Cawangan Lenggong (1 Januari 2018-15 Januari 2020) sebelum bertugas sebagai Pensyarah Kanan di JKA, PSAS.



SELAMAT DATANG & SELAMAT BERKHIDMAT

EN. MUHAMMAD
SUKRI BIN ABDUL
HAMID

KE
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

01 November 2021

Selamat datang dan selamat berkhidmat kepada En. Muhammad Sukri bin Abdul Hamid ke JKA PSAS.

Pernah berkhidmat sebagai Quantity Surveyor di Jabatan Kerja Raya Negeri Perak (Ogos-Oktober 2021) dan di Kompas Emas Enterprise, Shah Alam (Julai 2020-Julai 2021) sebelum memulakan pengalaman baharu sebagai Pensyarah di JKA PSAS.

SELAMAT MAJU JAYA!



UMAVATHY A/P ARUMUGAM
Semoga terus mencipta kecemerlangan.

"Menuntut ilmu itu bagai nelayan yang berlayar ke lautan. Makin ke tengah, makin banyak hasilnya".

**Selamat Maju Jaya
diucapkan kepada
Pn Umavathy a/p
Arumugam.
Semoga terus mencipta
kecemerlangan.**



TS. NORAZMI BIN FADILAH
Pensyarah JKA
PEKERJA CONTOH
(KATEGORI AKADEMIK)
Bulan Oktober 2021



**Tahniah kepada Ts. Norazmi
bin Fadilah
atas pengiktirafan
Pekerja Contoh (Kategori
Akademik)
bagi bulan Oktober 2021.
Semoga kekal cemerlang.**

TAHNIAH!



JUARA KESELURUHAN

Pertandingan Produk Inovasi Pelajar (PPIP'21)
Sesi Disember 2020

TAHNIAH JKA PSAS ATAS KEJAYAAN
JUARA KESELURUHAN
DALAM
PERTANDINGAN PRODUK INOVASI PELAJAR (PPIP'21)
PADA SESI DISEMBER 2020.

SEMOGA KEJAYAAN INI KEKAL MENTADI MILIK JKA PSAS.

SYABAS & TAHNIAH !



ANUGERAH EMAS CIDOS



Sesi Dis 2020
Nafisah Harun
DCC 20063



Sesi 1 2021/2022
Che Norhayati Mohd Salleh
DCQ 20082



Syabas dan tahniah kepada

Pn Nafisah bt Harun dan Pn Che Norhayati bt Mohd Salleh
atas kejayaan Anugerah Emas CIDOS.

Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Timbalan
Pengarah (Akademik), Pn Siti Marlina bt Mohammad Amin
kepada KJKA, En Abdul Muthalib bin Abd Rahman semasa
Perhimpunan Bulanan PSAS Bil. 1/2022 pada 25 Januari 2022.

Kejayaan warga JKA

GOLD AWARD

Certificate OF ACHIEVEMENT

This certificate is presented to

CHE NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH 850819-02-5072
TS NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD 790116-01-5570
NUR ATHIRAH BINTI ABDUL MALEK 990612-14-6234
NUR ELIYANA BINTI NORMAN 990823-05-5172

for a project entitled
SAFETY ROPE ROLLER

category
SCIENCE AND TECHNOLOGY

in
INTERNATIONAL MULTIDISCIPLINARY INNOVATION COMPETITION
(IMIC 2021)
30 JANUARY 2021

organized by
AID CONFERENCE MALAYSIA

Congratulation



Rosnita
DR. SITI ROSNITA SAKARJI
AID CONFERENCE ACADEMIC COMMITTEE

Quah Wei Boon
QUAH WEI BOON
AID CONFERENCE ACADEMIC COMMITTEE

Certificate of Achievement

THIS CERTIFICATE IS PROUDLY PRESENTED TO
TS. NORAZMI BIN FADILAH

FOR A PROJECT ENTITLED
T-BEAT: BUILDING ELEMENTS ANATOMY
CATEGORY : INNOVATION IN EDUCATION AND TEACHING


IN
INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (INNOCOM II, 2021)
18TH OCTOBER 2021
ACADEMIC INTERNATIONAL DIALOGUE

ORGANISED BY
AID CONFERENCE

Congratulations



QUAH WEI BOON
DIRECTOR, INNOCOM II 2021



SITI ROSNITA SAKARJI
CO-DIRECTOR, INNOCOM II 2021



Certificate of Achievement

THIS CERTIFICATE IS PROUDLY PRESENTED TO
TS. NORAZMI BIN FADILAH

FOR A PROJECT ENTITLED
T-BEAT: BUILDING ELEMENTS ANATOMY
CATEGORY : INNOVATION IN EDUCATION AND TEACHING


IN
INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (INNOCOM II, 2021)
18TH OCTOBER 2021
ACADEMIC INTERNATIONAL DIALOGUE

ORGANISED BY
AID CONFERENCE

Congratulations



QUAH WEI BOON
DIRECTOR, INNOCOM II 2021



SITI ROSNITA SAKARJI
CO-DIRECTOR, INNOCOM II 2021







Certificate of Award

This is to certify that

**MARSHITAH BINTI MUHAMAD, SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR, FITRIYAH BINTI MOHD
ROSLAN, Ts. MOHD SYAFARIL BIN JAMALUDDIN, NOOR AZILLA BINTI MD RADZI**

with the project of

SMART PIPE WRENCH 2.0

has won

GOLD

in the

**VIRTUAL INTERNATIONAL
RESEARCH AND INNOVATION
SYMPOSIUM AND EXPOSITION 2021
(RISE2021)**



PROF. Dr. MOHD SHAHIR SHAMSIR BIN OMAR
Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kejayaan warga JKA

SILVER AWARD

Certificate of Achievement

THIS CERTIFICATE IS PROUDLY PRESENTED TO

NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN
NAFISAH BINTI HARUN
JAAFAR BIN RAMLI
CHE NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH


FOR A PROJECT ENTITLED
APLIKASI SURVEYWORK APPS DALAM PERLAKSANAAN AMALI UKUR KEJURUTERAAN
CATEGORY : INNOVATION IN EDUCATION AND TEACHING

IN
INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (INNOCOM II, 2021)
18TH OCTOBER 2021

CONFERENCE
ORGANISED BY
AID CONFERENCE

Congratulations


QUAH WEI BOON
DIRECTOR, INNOCOM II 2021


SITI ROSNITA SAKARJI
CO-DIRECTOR, INNOCOM II 2021



BEST PRESENTER

Certificate of Appreciation

This certificate is proudly presented to

TS. NORAZMI BIN FADILAH

Best Presenter for A Parallel Session

for a paper entitled

STUDENT'S READINESS, EXPECTANCY, AND ACCEPTANCE OF AUGMENTED REALITY (AR) IN BUILDING WORKS MEASUREMENT FOR THE ELEMENT OF PAD FOUNDATION

ACADEMIC INTERNATIONAL DIALOGUE
in
INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES 2021
(ICOSAH V 2021)
28 OCTOBER 2021

organized by
AID CONFERENCE MALAYSIA


DR NORFADZILAHWATI RAHIM
CO-DIRECTOR, ICOSAH V, 2021


DR. SITI SURIANI OTHMAN
DIRECTOR, ICOSAH V, 2021

Certificate of Appreciation

This certificate is proudly presented to

FITRIYAH MOHD ROSLAN
SITI SARA YAACOB ZUBIR
ABDUL MUTHALIB ABD RAHMAN


Best Presenter for A Parallel Session

for a paper entitled

KAJIAN KECUATAN LENTURAN PAPAN PARTIKEL CAMPURAN HABUK KAYU DAN SERAT TANDAN KELAPA SAWIT

ACADEMIC INTERNATIONAL DIALOGUE
in
INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES 2021
(ICOSAH V 2021)
28 OCTOBER 2021

organized by
AID CONFERENCE MALAYSIA


DR NORFADZILAHWATI RAHIM
CO-DIRECTOR, ICOSAH V, 2021


DR. SITI SURIANI OTHMAN
DIRECTOR, ICOSAH V, 2021

FORUM KERJASAMA PENDIDIKAN TINGGI MEDAN (FKPT)

Certificate of Award

Best E-Learning

This certificate is presented to:

**TS. NORAZMI BIN FADILAH
DR. HARYATI BINTI ISMAIL
NURUL ASHIKIN BT. MOHAMMAD SHUHAIMI**

For the invention of

T-BEAT: BUILDING ELEMENTS ANATOMY

In the:



Organized by:
FORUM KERJASAMA PENDIDIKAN TINGGI MEDAN, INDONESIA


Haryati Binti Ismail, SP, Msi.
Ketua Dewan Pembina
Forum Kerjasama Pendidikan Tinggi Medan (FKPT)

Certificate OF ACHIEVEMENT

This certificate is presented to

**CHE NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH 850819-02-5072
TS NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD 790116-01-5570
NUR ATHIRAH BINTI ABDUL MALEK 990612-14-6234
NUR ELIYANA BINTI NORMAN 990823-05-5172**

for a project entitled
SAFETY ROPE ROLLER


in
**INTERNATIONAL MULTIDISCIPLINARY INNOVATION COMPETITION
(IMIC 2021)
30 JANUARY 2021**

organized by
AID CONFERENCE MALAYSIA

Congratulation



*Most-liked
virtual presentation
on Youtube*


DR. SITI ROSNITA SAKARJI
AID CONFERENCE ACADEMIC COMMITTEE


QUAH WEI BOON
AID CONFERENCE ACADEMIC COMMITTEE

SV-CR 0022



Certificate of Recognition

This certificate is presented to

Norazmi bin Fadilah

Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Malaysia

for contributing a TVET Good Practice to SEA-VET.net entitled
Mobile-AR Dimension Kit

Published in October, 2021

Mr. Alias bin Haji Abu Bakar
Centre Director - SEAMEO VOC TECH

In cooperation with



Implemented by



SV-CR 0023



Certificate of Recognition

This certificate is presented to

Norleeza binti Muhammad

Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Malaysia

for contributing a TVET Good Practice to SEA-VET.net entitled
Mobile-AR Dimension Kit

Published in October, 2021

Mr. Alias bin Haji Abu Bakar
Centre Director - SEAMEO VOC TECH

In cooperation with



Implemented by





Certificate of Recognition

This certificate is recognised

Ts Norazmi bin Fadilah
Polytechnic Sultan Azlan Shah, Malaysia

In recognition for his/her lecture video which was shortlisted for

SEAMEO Pre-Congress Lecture Series 2021
Stories of Success >> Transformation and Innovation in the Past COVID-19 Pandemic
Given in April 2021

Dr Ethel Agnes Pascua-Valenzuela

Dr Ethel Agnes Pascua-Valenzuela
Director
SEAMEO Secretariat



Certificate Number : SEAMEO/2021/04/Congress/RSH000061

Validity of this eCertificate, Participant Profile and Achievement (if any) can be checked in the verification link below or by scanning the QR code.
Verification Link : http://ecertificate.seameo.org/verify?certificate_no=SEAMEO/2021/04/Congress/RSH000061

Generated At : 2021-04-18 14:02:00



Certificate of Recognition

This certificate is recognised

Norleeza binti Muhammad
Polytechnic Sultan Azlan Shah, Malaysia

In recognition for his/her lecture video which was shortlisted for

SEAMEO Pre-Congress Lecture Series 2021
Stories of Success >> Transformation and Innovation in the Past COVID-19 Pandemic
Given in April 2021

Dr Ethel Agnes Pascua-Valenzuela

Dr Ethel Agnes Pascua-Valenzuela
Director
SEAMEO Secretariat



Certificate Number : SEAMEO/2021/04/Congress/RSH000062

Validity of this eCertificate, Participant Profile and Achievement (if any) can be checked in the verification link below or by scanning the QR code.
Verification Link : http://ecertificate.seameo.org/verify?certificate_no=SEAMEO/2021/04/Congress/RSH000062

Generated At : 2021-04-18 14:02:05




Pencapaian bagi kertas penyelidikan yang dibentangkan dan diterbitkan diperingkat Kebangsaan sebanyak - 10 kertas kajian dan 5 kertas kajian diperingkat Antarabangsa. Terdapat juga penerbitan kertas kajian sahaja diperingkat Antarabangsa 2 kertas kajian dan 1 kertas kajian peringkat Kebangsaan.

Pencapaian bagi pertandingan inovasi yang disertai oleh Pensyarah diperingkat Antarabangsa adalah sebanyak 15 penyertaan dan 1 sahaja diperingkat Kebangsaan, telah merangkumi 3 pingat Emas, 9 Perak dan 3 Gangsa. Antara pencapaian terbaik yang diperolehi adalah seperti produk *Interactive Augmented Reality (Ar) Kit: Retaining Wall (Top 13 Pre-Congress Seameo)*, *T-Beat: Building Elements Anatomy (Gold Award & Best Award Of E-Learning)* Dan *T-Beat: Building Elements Anatomy Version 2 (Gold Award, Double Gold Award, Grand Double Gold Award And Most Like Video Youtube)*

Manakala pencapaian pertandingan inovasi yang disertai oleh Pelajar diperingkat Antarabangsa adalah sebanyak 5 penyertaan dan 1 diperingkat Zon, telah merangkumi 2 pingat Emas, 2 Perak dan 1 Gangsa. Antara pencapaian terbaik yang diperolehi adalah seperti produk *Safety Roller Rope (Top 20 Most like video youtube)* dan *Systematic Defect and Reporting App (SeDAR)* kategori Business Idea Poster mendapat tempat ke 2 drpd 30 peserta akhir dan 120 penyertaan keseluruhan.





JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

**TERBITAN
JAWATANKUASA E-BULETIN
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

eISSN 2948-4499



9 772948 449005

www.psas.edu.my